


Pendekatan Ijtihad Kontemporari Dr. Yūsuf al-Qaradāwī

(*Dr. Yūsuf al-Qaradāwī's Approach to Contemporary Ijtihad*)

Mohd Khir Johari Abas^{1*}, Muhammad Firdaus Abdul Manaf²
Mohd Kamel Mat Salleh³

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: khrjohari@yahoo.com

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: firdausmanaf@uitm.edu.my

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban, 70300 Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: mohdkamel@uitm.edu.my

ABSTRAK

Perkembangan pesat dunia moden telah mencetuskan pelbagai persoalan hukum Islam kontemporari yang semakin rumit dan mencabar. Shaykh Dr. Yūsuf al-Qaradāwī, antara ulama yang telah menyumbang kepada pengembangan metodologi ijtihad kontemporari menerusi penggabungan prinsip-prinsip syariah dengan realiti semasa. Kajian ini bertujuan menganalisis pendekatan ijtihad kontemporari al-Qaradāwī yang merangkumi prinsip, kriteria, aplikasi serta implikasinya. Menerusi reka bentuk analisis kandungan kualitatif, kajian ini meneliti karya-karya utama al-Qaradāwī serta sumber-sumber sekunder yang relevan. Dapatan menunjukkan bahawa kerangka ijtihad al-Qaradāwī dibina atas kriteria al-darūriyyāt, al-hājiyyāt dan al-taḥsīniyyāt. Dari segi prinsip pula, al-Qaradāwī menekankan kebebasan daripada fanatik mazhab, mengutamakan konsep al-taysīr, menggunakan komunikasi yang difahami, fokus kepada kemanfaatan, konsep kesederhanaan dan fungsi ijtihad sebagai panduan. Pendekatan ijtihad ini diaplikasi menerusi tiga bentuk ijtihad iaitu al-intiqā'ī (tarjih), al-inshā'ī (ijtihad kreatif) dan gabungan kedua-duanya. Kajian ini menyerlahkan sumbangan al-Qaradāwī dalam mengharmonikan kekuatan tradisi syariah dengan keperluan inovasi, ke arah menjana kerangka ijtihad yang lebih dinamik dan responsif terhadap tuntutan zaman.

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Muhammad Firdaus Abdul Manaf
(firdausmanaf@uitm.edu.my)

KATA KUNCI:

Ijtihad kontemporari
Yūsuf al-Qaradāwī
Pembaharuan hukum Islam

KEYWORDS:

Contemporary ijtihad
Yūsuf al-Qaradāwī
Islamic law reform

CITATION:

Mohd Khir Johari, A., Muhammad Firdaus, A. M., Mohd Kamel, M. S. (2026). Pendekatan Ijtihad Kontemporari Dr. Yūsuf al-Qaradāwī. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 11(1), e003708. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v11i1.3708>

ABSTRACT

The rapid development of the modern world has sparked various contemporary Islamic legal issues that are increasingly complex and challenging. Shaykh Dr. Yūsuf al-Qaradāwī, a prominent scholar, has contributed to the

development of contemporary ijthad methodology through the integration of shariah principles with current realities. This study aims to analyze al-Qaraḍāwī's approach to contemporary ijthad, encompassing its principles, criteria, applications, and implications. Employing a qualitative content analysis design, this study examines al-Qaraḍāwī's major works and relevant secondary sources. The findings reveal that al-Qaraḍāwī's ijthad framework is constructed upon the criteria of al-ḍarūriyyāt (necessities), al-ḥājiyyāt (needs), and al-taḥsīniyyāt (embellishments). In terms of principles, al-Qaraḍāwī emphasizes freedom from madhhab fanaticism, prioritizing the concept of al-taysīr (facilitation), using understandable communication, focusing on benefits, the concept of moderation, and the function of ijthad as guidance. This ijthad approach is applied through three forms of ijthad: al-intiqā'ī (tarjīḥ, or preference), al-inshā'ī (creative ijthad), and a combination of both. This study highlights al-Qaraḍāwī's contribution in harmonizing the strength of the shariah tradition with the need for innovation, towards generating a more dynamic ijthad framework that is responsive to the demands of the times.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini mengisi jurang literatur dengan menganalisis secara sistematik kerangka ijthad kontemporari al-Qaraḍāwī (kriteria, prinsip, bentuk dan implikasi) berasaskan karya primer. Ia menilai konsistensi antara tradisi-pembaharuan serta menawarkan gambaran seimbang terhadap dualisme “modenis vs tradisional”, sekali gus memeta model ijthad yang dinamik dan responsif.

1. Pengenalan

Perkembangan pesat dunia moden telah mencetuskan pelbagai persoalan hukum Islam kontemporari yang semakin rumit dan mencabar (Asni et al., 2022). Cabaran-cabaran ini timbul daripada keperluan untuk mengimbangi tradisi dengan kemodenan (Ab Rahman et al., 2020), menangani piawaian perundangan global (Warren, 2014), dan menyesuaikan diri dengan kemajuan teknologi (Mazuki et al., 2022). Justeru, satu pendekatan ijthad yang dinamik dan responsif diperlukan bagi menangani kompleksiti ini (Kausar et al., 2024). Shaykh Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī, antara ulama yang telah menyumbang kepada pengembangan metodologi ijthad kontemporari menerusi penggabungan prinsip-prinsip syariah dengan realiti semasa (Saiin, 2021; Mohd Safian, 2016). Al-Qaraḍāwī menekankan ketelitian dalam menilai konteks, pemakaian *maqāṣid al-sharī'ah*, keterbukaan kepada kepelbagaian pandangan serta penekanan terhadap konsep kemudahan dan kesederhanaan (Mohd Safian, 2016).

Al-Qaraḍāwī dikenali dengan pendekatan ijthadnya yang pragmatik dalam menangani isu-isu semasa umat Islam (El-Wereny, 2018; Warren, 2014). Pendekatan ijthad al-Qaraḍāwī sering dilihat sebagai berbeza dengan kerangka pemikiran fuqaha tradisional (El-Wereny, 2018), lalu melayakkan al-Qaraḍāwī digelar sebagai seorang sarjana yang moden dan progresif (Graf, 2019). Ini dapat dilihat menerusi pandangannya dalam beberapa isu antaranya menyokong penyertaan muslim minoriti dalam sistem demokrasi negara bukan Islam (Al-Qaraḍāwī, 2001b), pendefinisian asnaf sabilillah dengan lebih meluas (Al-Qaraḍāwī, 1973), penggunaan harta zakat untuk pembangunan

institusi masyarakat (Al-Qaraḍāwī, 1973) dan keharusan meminum minuman beralkohol dengan kuantiti kurang 5% (Al-Qaraḍāwī, 2008c).

Walau bagaimanapun, pada masa yang sama terdapat beberapa orang pengkaji seperti Baroudi (2014) dan Helfont (2010) yang berpandangan al-Qaraḍāwī masih lagi terikat dengan prinsip usul fiqh tradisional dan kurang berani merentasi sempadan tersebut. Al-Qaraḍāwī dilihat sebagai seorang yang konservatif (Helfont, 2010) khususnya dalam beberapa fatwanya seperti seruan pembunuhan Mu'ammār al-Qadhhdhāfi (Al-Qaraḍāwī, 2011), keharusan *Istishhādiyyah* di Palestin (perbuatan mengebom diri untuk menggempur musuh) (Al-Qaraḍāwī, 1996b) dan mempertahankan pelaksanaan hukum hudud (Al-Qaraḍāwī, 2013).

Senario ini membawa kepada persoalan pendekatan sebenar ijtihad al-Qaraḍāwī; adakah al-Qaraḍāwī seorang moden yang masih terperangkap dalam kekangan tradisionalisme dalam beberapa isu, ataupun al-Qaraḍāwī pada dasarnya seorang tradisional yang cuba membuka ruang untuk memodenkan aspek-aspek tertentu dalam syariat ?. Pendekatan ijtihad al-Qaraḍāwī yang bersifat eklektik menjadikan al-Qaraḍāwī sebagai subjek yang menarik untuk dikaji bagi memahami dinamika interaksi antara kerangka tradisional dan tuntutan pembaharuan dalam metodologi ijtihad kontemporari.

1.1. Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan menganalisis pendekatan ijtihad kontemporari al-Qaraḍāwī yang merangkumi prinsip, kriteria, aplikasi serta implikasinya terhadap pemurnian hukum Islam semasa. Kajian ini signifikan dalam menawarkan satu pengamatan empirik terhadap kerangka ijtihad al-Qaraḍāwī yang merentasi pelbagai isu ekonomi, perundangan, politik dan sosial. Kajian ini berpotensi mencetuskan perbincangan lanjut berkenaan prospek pengembangan kerangka syariah yang lebih sesuai dengan tuntutan realiti era pascamodenisme. Dapatan kajian ini juga diharap dapat menyerlahkan kekuatan dan limitasi metodologi al-Qaraḍāwī secara adil, sekali gus menyumbang ke arah pemerkasaan ijtihad sebagai mekanisme penjana hukum yang kekal dinamik dan praktikal dalam menjana panduan buat masyarakat Islam mendepani perubahan zaman.

Selain itu, kajian ini penting untuk menilai secara empirikal sejauh mana ijtihad al-Qaraḍāwī berjaya menawarkan penyelesaian yang praktikal dan relevan terhadap permasalahan kontemporari umat Islam. Keberkesanan sesuatu pendekatan ijtihad seharusnya tidak hanya dinilai pada tahap teoretikal semata-mata, tetapi juga perlu dilihat dari sudut impak dan aplikasinya dalam realiti masyarakat Islam. Terdapat jurang dalam literatur semasa untuk menilai kesan sebenar ijtihad al-Qaraḍāwī terhadap perkembangan dan transformasi pemikiran serta amalan umat Islam khususnya dalam konteks isu-isu baharu yang kompleks.

2. Sorotan Literatur

Perkembangan pesat dunia moden telah mencetuskan pelbagai persoalan hukum Islam kontemporari yang semakin rumit dan mencabar, memerlukan pendekatan ijtihad yang dinamik dan responsive (Asni et al., 2022). Cabaran-cabaran ini timbul daripada keperluan untuk mengimbangi tradisi dengan kemodenan, menangani piawai perundangan global, dan menyesuaikan diri dengan kemajuan teknologi (Azman & Afaf, 2020; Mazuki et al., 2022). Justeru, pendekatan ijtihad kontemporari yang dapat

mengharmonikan prinsip syariah dengan realiti semasa menjadi satu keperluan mendesak dalam era Revolusi Industri 4.0 dan transformasi digital (Kausar et al., 2024). Dalam konteks ini, figura ulama seperti Dr. Yūsuf al-Qaradāwī telah muncul sebagai tokoh yang signifikan dalam pengembangan metodologi ijtihad kontemporari.

Pendekatan ijtihad Yūsuf al-Qaradāwī sering digambarkan sebagai pragmatik dan responsif terhadap realiti semasa, menjadikannya tokoh penting dalam pembentukan metodologi ijtihad kontemporari (El-Wereny, 2018; Warren, 2014). Beliau menstrukturkan kerangka ijtihadnya melalui integrasi prinsip maqāsid al-sharī'ah, konsep kemudahan (al-taysīr) dan pendekatan kesederhanaan (wasatiyyah), yang memperlihatkan keluwesan pendekatannya dalam menangani persoalan hukum moden (Saiin, 2021; Hasibuan et al., 2023). Sumbangan ini turut terserlah dalam fiqh al-aqalliyāt dan aplikasi prinsip al-taysīr dalam fatwa-fatwanya, yang menunjukkan sifat adaptif beliau terhadap realiti masyarakat Muslim minoriti dan konteks kontemporari (Mun'im, 2021; Nadiya, 2022). Selari dengan itu, pendekatannya sering dinilai sebagai lebih anjal berbanding kerangka fuqaha tradisional, malah melayakkan beliau digelar sebagai tokoh moden dan progresif oleh sebahagian sarjana (Graf, 2019). Walau bagaimanapun, wacana akademik turut mencatatkan polarisasi pandangan terhadap metodologi al-Qaradāwī, dengan sebahagian pengkaji menganggapnya progresif dan kontekstual, manakala yang lain berpendapat beliau masih mengekalkan elemen tradisional dalam isu-isu tertentu, sekali gus membuka ruang untuk penelitian lanjut mengenai konsistensi pendekatan ijtihadnya (El-Wereny, 2018).

Walaupun terdapat banyak kajian tentang pelbagai aspek pemikiran al-Qaradāwī, kebanyakan penelitian sedia ada cenderung tertumpu pada aplikasi spesifik seperti fiqh minoriti atau ekonomi Islam (Hasibuan et al., 2023; Saiin, 2021), dan kurang memberikan analisis komprehensif terhadap kerangka ijtihad beliau secara keseluruhan merangkumi kriteria, prinsip, bentuk, dan implikasinya terhadap pemurnian hukum Islam kontemporari (Man, 2022). Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang tersebut dengan menganalisis secara sistematik pendekatan ijtihad kontemporari al-Qaradāwī berdasarkan karya-karya primer beliau, sambil menilai secara empirikal sejauh mana metodologi ini berjaya menawarkan penyelesaian praktikal terhadap permasalahan umat Islam. Penelitian holistik ini diharap dapat memberikan gambaran yang seimbang dan mendalam tentang metodologi ijtihad al-Qaradāwī serta sumbangannya dalam pembaharuan hukum Islam kontemporari, sekaligus menjawab persoalan dualisme "modernis versus tradisional" yang sering dikaitkan dengan beliau dan membuka ruang untuk perbincangan lanjut mengenai prospek kerangka syariah yang lebih dinamik.

3. Metod Kajian

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis dokumen untuk meneliti metodologi ijtihad kontemporari al-Qaradāwī. Sumber data utama terdiri daripada karya al-Qaradāwī, terutamanya kitab *al-Ijtihād al-Mu'āṣir bayna al-Indibāt wa al-Infirāt*, serta sumber sekunder seperti artikel jurnal, buku, tesis, dan rekod multimedia (khutbah, ceramah, wawancara, rakaman audio-video). Analisis merangkumi pelbagai format bahan termasuk teks bercetak, manuskrip, dan bahan digital untuk memastikan pemerolehan data yang holistik. Penelitian ini bertujuan memahami kerangka ijtihad al-Qaradāwī melalui sintesis kritikal terhadap sumber primer dan sekunder, dengan penekanan pada konsistensi metodologinya dalam menghubungkan teks klasik dengan realiti semasa.

4. Hasil Kajian

Pendekatan ijtihad kontemporari al-Qaraḍāwī dibangunkan atas kerangka sistematik yang berusaha mengharmonikan prinsip syariah dengan tuntutan realiti semasa. Ijtihad ditakrifkan sebagai usaha bersungguh-sungguh untuk mengistinbat hukum amali berpandukan nas, dengan penekanan terhadap kriteria *al-ḍarūriyyāt*, *al-ḥājjiyyāt*, dan *al-taḥsīniyyāt*. Al-Qaraḍāwī menetapkan garis panduan yang menyeimbangkan kepatuhan pada nas qat'ī dan keluwesan dalam isu zannī, serta menekankan prinsip kebebasan dari fanatik mazhab, kemudahan (*al-taysīr*), kesederhanaan (*wasatīyyah*), dan komunikasi yang jelas. Sumber hukumnya melangkaui teks tradisional dengan mengintegrasikan maqāsid al-shari'ah dan dapatan saintifik. Secara praktikal, pendekatan ini diaplikasikan menerusi tiga bentuk ijtihad: *al-intiqā'ī* (pemilihan), *al-inshā'ī* (kreatif), dan gabungan keduanya, yang bertujuan menghasilkan penyelesaian hukum yang dinamik, rasional, dan relevan dengan keperluan semasa.

4.1. Pendekatan Ijtihad Al-Qaradawi

Al-Qaraḍāwī (1996a) mendefinisikan ijtihad daripada aspek bahasa dan istilah. Daripada sudut bahasa, perkataan ijtihad berasal daripada kata dasar *al-juhd* (daya usaha) atau *al-jahd* (kepayahan) dengan pola *ifti'āl* membawa maksud bersungguh-sungguh dan mencurahkan sepenuh usaha dalam melakukan sesuatu perkara yang sukar. Manakala daripada segi istilah pula, setelah meneliti kepelbagaian takrifan ijtihad yang dinyatakan oleh para ulama usul, al-Qaraḍāwī (1996a) mengetengahkan definisi al-Shawkānī iaitu “mencurahkan daya usaha untuk memperoleh hukum syarak yang bersifat amali melalui kaedah *istinbāt*” (Al-Shawkānī, 1994). Walau pun sebahagian ulama usul seperti al-Āmidī dan al-Ghazālī membuat beberapa penambahan pada definisi ijtihad tersebut sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengekang pihak yang gopoh dalam berfatwa tanpa penyelidikan mendalam, namun al-Qaraḍāwī (1996a) berpandangan ungkapan asal “mencurahkan daya usaha” dianggap sudah memadai berdasarkan ayat 286 surah al-Baqarah yang mengehadkan tuntutan hanya sekadar kemampuan. Al-Qaraḍāwī (1996a) turut menjelaskan skop ijtihad hanya merujuk kepada hukum syarak bersifat amali yang diistinbatkan dari dalil syarak, bukan sekadar merujuk zahir nas, hafalan atau kitab tertentu sahaja. Selain itu, kelayakan berijtihad juga dihadkan hanya kepada mereka yang memiliki kefahaman mendalam dalam ilmu fiqh dan mampu mengamalkannya, kerana ijtihad memerlukan kemahiran dan penguasaan khusus terhadap kaedah *istinbāt* hukum.

Daripada definisi yang diketengahkan oleh al-Qaraḍāwī, pengkaji membahaskan pendekatan ijtihad kontemporari al-Qaraḍāwī dalam aspek kriteria, syarat mujtahid, garis panduan ijtihad, prinsip, sumber hukum dan bentuk ijtihad serta pengaplikasiannya.

4.2. Kreteria Ijtihad Kontemporari

Al-Qaraḍāwī (1996a) mengemukakan tiga tahap kriteria dalam ijtihad, iaitu: (1) *al-ḍarūriyyāt*, yang merujuk kepada keperluan asas yang penting untuk kelangsungan hidup manusia. Tanpa pemenuhan kriteria ini, masyarakat mungkin akan menghadapi kerosakan dan ketidakstabilan; (2) *al-ḥājjiyyāt*, iaitu keperluan sekunder yang diperlukan untuk memudahkan kehidupan manusia. Ketiadaan pemenuhan keperluan ini boleh menyebabkan kesulitan dalam kehidupan seharian; (3) *al-taḥsīniyyāt*, yang

melibatkan aspek pelengkap seperti nilai-nilai murni dan adab yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup manusia (Al-Qaraḍāwī, 1996a).

4.3. Syarat Mujtahid

Al-Qaraḍāwī (1996a), mengetengahkan lapan syarat utama yang perlu dipenuhi oleh seorang mujtahid. Syarat pertama, mengetahui al-Quran yang menjadi sumber utama syariat Islam. Kedua, mengetahui sunnah berserta ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya. Ketiga, menguasai bahasa Arab dan cabang-cabang ilmunya sebagai sarana untuk memahami maksud firman Allah SWT dan hadis Rasulullah SAW. Keempat, mengetahui hasil ijmak ulama agar tidak bercanggah dengan keputusan yang telah dibuat. Kelima, mengetahui usul fiqh kerana ia mengandungi kaedah-kaedah dan cara mengistinbatkan hukum daripada nas. Keenam, memahami *maqāṣid al-sharī'ah* untuk mendalami mesej tersirat Allah SWT dan mendapatkan hukum yang tepat. Ketujuh, mengenali manusia dan persekitaran kehidupan mereka yang heterogen serta dinamik. Kelapan, bersifat adil dan bertakwa dengan menjunjung objektif tanpa dipengaruhi atau ditekan oleh mana-mana pihak. Al-Qaraḍāwī (1996a) turut menambah beberapa syarat yang masih diperdebatkan dalam kalangan ulama, iaitu mengetahui ilmu usuluddin, ilmu mantik dan cabang-cabang fiqh.

4.4. Garis Panduan Ijtihad Kontemporari al-Qaraḍāwī

Al-Qaraḍāwī (1996a) menggariskan sembilan perkara sebagai garis panduan untuk melakukan ijtihad kontemporari. Pertama, kewajipan melaksanakan ijtihad dengan usaha maksimum (*istifragh al-wus'*) melalui penelitian menyeluruh terhadap dalil al-Quran, sunnah, ijmak, dan qias hingga mencapai tahap kesempurnaan analisis. Kedua, larangan ijtihad dalam perkara *qat'iyat* (muktamad) seperti pengharaman riba, zina, kewajipan solat, dan puasa yang telah ditetapkan secara *qat'i* (muktamad). Ketiga, penjagaan hierarki hukum antara *al-qat'iyat* (hukum muktamad) dan *al-zanniyyat* (hukum relatif) tanpa menukar statusnya. Keempat, integrasi ilmu fiqh dan hadis melalui penyatuan metodologi naqli (berdasarkan teks) dan aqli (analisis kontekstual) untuk menghindari jurang tafsiran. Kelima, penolakan pengaruh tekanan realiti (*al-waqi'*) ke atas hukum *qat'iyat* seperti larangan poligami atau penghalalan riba dengan alasan realiti semasa. Keenam, penerimaan inovasi (*al-hadith al-nafi'*) seperti kontrak digital selagi tidak bercanggah dengan akidah dan syariat. Ketujuh, responsif terhadap tuntutan zaman (*ruh al-'asr*) melalui interpretasi semula pendapat ulama silam untuk isu baharu. Kelapan, keutamaan ijtihad jama'i (kolektif) melalui musyawarah pakar multidisiplin dalam institusi fiqh berasaskan model sahabat Nabi SAW. Kesembilan, toleransi terhadap kesilapan mujtahid (*tasamuh fi khata' al-mujtahid*) kerana kebenaran bersifat dinamik dan tiada manusia yang maksum. Garis panduan ini menekankan keseimbangan antara keteguhan prinsip syariah dan keluwesan metodologi.

4.5. Prinsip-prinsip Ijtihad Kontemporari Menurut al-Qaraḍāwī

Kekuatan ijtihad Al-Qaraḍāwī terserlah melalui pendekatannya yang mengimbangi keterikatan pada nas syarak dengan kepekaan terhadap realiti semasa, keterbukaan dalam perbezaan pendapat fiqh, penerimaan dapatan saintifik, serta penekanan aspek memberi kemudahan terutamanya dalam fiqh minoriti Muslim, demi menampilkan syariat Islam sebagai mudah dan praktikal. Prinsip-prinsip ini bukan sahaja bertunjangkan kerangka epistemologi syariah yang mantap, bahkan digarap secara inovatif bagi merungkai kemelut fiqh yang kompleks (Shaham, 2018). Natijahnya,

terhasillah korpus fatwa yang kontekstual, sekali gus menyerlahkan keupayaan al-Qaraḍāwī mendepani cabaran semasa tanpa menjejaskan nilai-nilai asasi ajaran Islam (Saiin, 2021). Prinsip-prinsip ijtihad Al-Qaraḍāwī (1993) merangkumi; (1) kebebasan (dari sikap fanatik dan taklid); (2) berpaksikan prinsip *taysīr*; (3) komunikasi dengan bahasa difahami; (4) berfokuskan kemanfaatan; (5) mendukung prinsip kesederhanaan; dan, (6) bimbingan (memahami fungsi fatwa sebagai panduan, bukan arahan mutlak) (Al-Qaraḍāwī, 1993;1988).

Al-Qaraḍāwī (1996a) menyedari bahawa taklid yang statik dan kejumudan mazhab merupakan antara faktor utama yang merencatkan dinamisme pemikiran hukum Islam. Justeru, al-Qaraḍāwī menekankan kepentingan sikap inklusif yang mengiktiraf kepelbagaian dalam ijtihad, selagi berpaksikan nas-nas syarak serta menepati kaedah istinbat yang diiktiraf (Al-Qaraḍāwī, 1996a). Namun, keterbukaan ini tidak wajar disalahtafsirkan sebagai liberal yang mengabaikan norma-norma syariat. Sebaliknya, ia perlu diseimbangkan dengan kerangka *maqāṣid al-sharī'ah* yang mengutamakan *maṣlaḥah* umat, agar hukum yang diputuskan oleh mujtahid tetap berpaksikan prinsip kemudahan yang menjadi matlamat syariah itu sendiri.

Selain menekankan dimensi intelektual dan mentaliti mujtahid, al-Qaraḍāwī turut memberi perhatian terhadap aspek komunikasi dan interaksi dengan masyarakat dalam proses penfatwaan (Al-Qaraḍāwī, 1993). Bagi mengelakkan fatwa menjadi artifak retorik yang terpisah daripada realiti, penyampaian fatwa perlu selari dengan matlamat pembelajaran, bersifat kreatif dan optimum dari segi penggunaan sumber serta pemantauan, bagi memastikan wujudnya kejelasan dan keberkesanan fatwa seiring dengan perubahan sosial, ekonomi dan teknologi semasa (Solahuddin et al., 2018). Uslub komunikasi ini harus juga dipandu rasionaliti dan objektiviti, dengan memberi keutamaan kepada isu-isu yang signifikan serta bersandarkan hujah yang konklusif. Al-Qaraḍāwī komited untuk menjadikan ijtihad sebagai wasilah penyelesaian praktikal kepada permasalahan ummah, bukannya medan perdebatan teoretis yang berpanjangan tanpa keputusan yang tuntas.

Kesemua prinsip tersebut diharmonikan oleh al-Qaraḍāwī menerusi gagasan kesederhanaan yang menjadi identitinya dalam bidang fiqh semasa (Al-Qaraḍāwī 1996a). *Wasatiyyah* yang digariskan ini bukan bermakna mengambil sikap berkecuali dalam setiap situasi, tetapi merujuk kepada pendekatan yang seimbang antara dua ekstrem iaitu *ifrāt* (melampau batas) dan *tafrīt* (mengabaikan tuntutan). Dengan berpegang kepada jalan tengah ini, autoriti dan kredibiliti fatwa dapat diperkukuhkan, kerana ia dilihat sebagai penyelesaian yang realistik serta selari dengan trajektori perubahan masyarakat, tanpa berkompromi dengan prinsip-prinsip fundamental Islam. Dalam masa yang sama, al-Qaraḍāwī menyatakan bahawa fatwa perlu kekal sebagai panduan umum yang fleksibel, bukannya arahan yang rigid lagi dogmatik. Justeru, mujtahid tidak sewajarnya bersikap menghukum atau menganggap hanya fatwanya yang paling tepat secara mutlak, kerana perbezaan pandangan adalah lumrah dalam tradisi pemikiran Islam, selagi mana ia berada dalam lingkungan metodologi hukum yang dibenarkan (*muntahā al-su'ah al-fiqhiyyah*).

Pengkaji berpandangan, prinsip-prinsip ijtihad yang dilakar oleh al-Qaraḍāwī bukan sahaja terdiri daripada aspek teori, malah berpaksikan acuan pragmatisme yang ampuh. Kekentalan *world-view* yang didasari paradigma *wasatiyyah* serta kebijakan menggabungkan idealisme syariah dengan realiti semasa membolehkan al-Qaraḍāwī menghasilkan fatwa yang relevan dengan tuntutan zaman. Kesannya, terbitlah

keyakinan masyarakat terhadap autoriti hukum Islam sebagai manual kehidupan yang bukan sahaja serasi dengan fitrah insan, malah solusi yang sentiasa proaktif mendepani cabaran kontemporari. Dengan itu, legasi al-Qaraḍāwī sebagai arkitek ijtihad kontemporari wajar diteladani oleh para sarjana Islam masa kini, agar kecemerlangan fiqh sebagai disiplin ilmu yang dinamik lagi versatil dapat dikekalkan serta dikembangkan untuk kemaslahatan ummah seluruhnya.

4.6. Sumber Hukum Dalam Berijtihad

Penelitian terhadap beberapa karya penulisan al-Qaraḍāwī khususnya kitab *Min Hadyi al-Islām Fatāwā Mu'āṣirah* dan *Al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fī al-Islām* menunjukkan bahawa al-Qaraḍāwī berpegang dengan al-Quran, sunnah, ijmak dan qias. Al-Qaraḍāwī juga didapati membezakan antara (1) topik-topik perundangan baharu yang tidak disentuh oleh literatur fiqh dan (2) topik-topik lama yang telah pun ditangani oleh para fuqaha. Untuk memutuskan hukum topik-topik baharu yang tidak diliputi oleh nas-nas yang jelas, ijtihad kreatif adalah diperlukan. Ijtihad sedemikian mestilah berpandukan prinsip-prinsip umum al-Quran dan sunnah, serta sumber-sumber perundangan bukan nas, yang dinyatakan oleh teori *maqāṣid al-syariah*, terutamanya *maṣlaḥah* (Shaham, 2018).

Maka jelas, selain sumber-sumber yang disepakati (al-Quran, hadis, ijmak dan qias) al-Qaraḍāwī turut memanfaatkan prinsip-prinsip syariah yang bersifat universal (*al-qawā'id al-syar'iyah al-kulliyah*) ketika berijtihad (Al-Qaradawi, 1997; 1993). Kaedah-kaedah umum yang dirumuskan daripada nas-nas syarak ini relevan untuk menangani isu-isu baharu yang timbul impak perkembangan peradaban manusia. Contohnya dapat dilihat dalam fatwa berkaitan transaksi wang asing, jual beli saham, bank susu dan seumpamanya (Al-Qaraḍāwī, 1993).

Kajian dan pembuktian saintifik turut memainkan peranan dalam kaedah penentuan hukum al-Qaraḍāwī, sama ada secara langsung atau pun tidak. Contohnya dapat dilihat melalui fatwa berkaitan pencemaran air zamzam. Apabila berhadapan dengan dapatan saintifik yang menunjukkan berlakunya pencemaran bakteria, al-Qaraḍāwī (1993) cenderung untuk mendahulukan dapatan saintifik berbanding hadis-hadis yang secara literalnya menunjukkan keistimewaan mutlak air zamzam. Penemuan sains yang telah dibuktikan secara empirikal tidak boleh disangkal semata-mata berasaskan kefahaman tekstual terhadap hadis yang kebenarannya masih boleh dibahaskan.

4.7. Bentuk Ijtihad Kontemporari

Di sisi al-Qaraḍāwī, ijtihad diiktiraf sebagai suatu kewajipan kolektif (fardu kifayah) (Al-Qaraḍāwī, 1996a). Ia perlu dipikul dalam kalangan para ulama (muftahid), bagi menangani dan mencari penyelesaian hukum terhadap isu-isu baharu yang timbul ekoran perubahan zaman dan keadaan dengan berpandukan kepada nas-nas yang bersifat umum. Dalam kerangka hukum-hukum Islam kontemporari, al-Qaraḍāwī (1996a) mengetengahkan tiga konsep ijtihad, iaitu *al-intiqā'ī*, *al-insyā'ī* dan gabungan antara keduanya.

Ijtihad *al-intiqā'ī* merujuk kepada suatu proses ijtihad yang bertujuan memilih satu pandangan yang paling kuat daripada pelbagai pandangan yang wujud. Proses ini dijalankan secara terperinci dengan meneliti dan mengkritik hujah-hujah yang dikemukakan bagi setiap pandangan, dan akhirnya memilih pandangan yang paling

kukuh berdasarkan piawaian yang diaplikasikan dalam kaedah [mentarjih \(Al-Qaraḍāwī, 1996a\)](#). Al-Qaraḍāwī tidak hanya menggunakan kaedah-kaedah tarjih yang lazim seperti penelitian dari perspektif nas al-Quran dan hadis, matan atau sanad, tetapi turut mengambil kira faktor-faktor perubahan sosial dan politik. Sebagai contoh, al-Qaraḍāwī menolak pandangan ulama silam yang melarang kaum wanita ke masjid, kerana pandangan tersebut hanya sesuai dengan konteks zaman sebelumnya di mana kaum wanita tidak dibenarkan keluar rumah ([Al-Qaraḍāwī, 1993](#)). Namun begitu, pada era moden, kaum wanita telah diberikan kebebasan untuk menuntut ilmu, mencari rezeki, dan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti lain, menjadikan pandangan tersebut tidak lagi relevan pada masa kini ([Al-Qaraḍāwī, 2009c](#)).

Ijtihad *al-insyā'ī* pula merujuk kepada proses penghasilan keputusan hukum yang baharu yang belum pernah dibincangkan oleh ulama terdahulu ([Al-Qaraḍāwī, 1996a](#)). Permasalahan yang dibahaskan mungkin belum pernah disentuh sebelum ini atau telah dibahaskan tetapi muftahid mempunyai keputusan yang berbeza daripada pandangan ulama sebelumnya. Hal ini dilaksanakan dengan mengambil kira faktor-faktor perkembangan zaman dan situasi semasa. Sebagai contoh, Al-Qaraḍāwī menetapkan bahawa individu yang menyewa tanah wajib mengeluarkan zakat tanaman atau buah-buahan sekiranya telah mencapai nisab, setelah membayar sewa kepada pemilik tanah. Pemilik tanah pula wajib mengeluarkan zakat daripada hasil sewaan tersebut sekiranya telah mencapai nisab. Keputusan ini berbeza dengan pandangan ulama terdahulu yang hanya mewajibkan zakat ke atas penyewa tanah sahaja ([Al-Qaraḍāwī, 1993](#)).

Al-Qaraḍāwī juga mengemukakan konsep ijtihad kontemporari gabungan, iaitu penggabungan antara ijtihad *al-intiqā'ī* dan *al-insyā'ī*. Ijtihad gabungan ini melibatkan proses pemilihan dan penyaringan pandangan-pandangan ulama terdahulu yang dianggap lebih relevan dan mantap, kemudian menggabungkannya dengan unsur-unsur ijtihad baharu ([Al-Qaraḍāwī, 1996a](#)). Ijtihad gabungan ini dapat diperincikan melalui tiga langkah berikut:

- i. Keputusan hukum yang dihasilkan merupakan natijah daripada proses pemilihan dan penyaringan pelbagai pandangan ulama terdahulu yang lebih bersesuaian dengan permasalahan semasa.
- ii. Keputusan hukum yang diperoleh adalah hasil daripada ijtihad baharu terhadap ijtihad lama yang masih belum menyelesaikan objek permasalahan secara menyeluruh.
- iii. Pandangan hukum yang telah dikemukakan sebelum ini masih bersifat hipotesis dan belum konklusif, justeru dikemukakan pandangan atau ijtihad *al-insyā'ī* yang lebih meyakinkan, praktikal, dan berpaksikan realiti semasa.

Melalui ketiga-tiga bentuk ijtihad ini, al-Qaraḍāwī berusaha untuk menangani permasalahan-permasalahan kontemporari secara rasional dan selaras dengan perkembangan zaman, di samping tetap berpegang teguh kepada prinsip-prinsip syariah yang bersumberkan al-quran dan hadis.

5. Implikasi Pendekatan Ijtihad Kontemporari Al-Qaraḍāwī

Pengkaji melihat implikasi pendekatan ijtihad kontemporari al-Qaraḍāwī dapat dilihat melalui tiga dimensi utama iaitu pemurnian pemikiran hukum Islam semasa, penjenamaan pelbagai kerangka kefahaman fiqh, dan penawaran solusi praktikal terhadap isu-isu baharu yang dihadapi umat Islam. Dapatan ini selari dengan kajian-

kajian terdahulu. Graf (2019) sebagai contohnya memfokuskan implikasi pemikiran al-Qaraḍāwī dalam pemikiran Islam kontemporari, termasuk pembaharuan, kesederhanaan, kebangkitan Islam, minoriti Muslim, gender, demokrasi, pluralisme dan kekerasan. Bahkan menurut Shaham (2018), al-Qaraḍāwī telah memberikan sumbangan yang besar dalam pendefinisian semula Islam dan perluasan bidang ilmu Islam secara umum dan fiqh secara khusus. Manakala (Mukhetdinov, 2018) menyatakan al-Qaraḍāwī berjaya membangkitkan solidariti terhadap Islam, toleransi terhadap perbezaan pendapat yang kecil, dan kemudahan dalam beragama.

Justeru, pengkaji melihat analisis terhadap sumbangan al-Qaraḍāwī bukan sahaja menunjukkan signifikannya dalam memperkaya metodologi ijtihad, bahkan membuka ruang untuk penelitian lanjut bagi menerokai prospek pengembangan kerangka syariah yang lebih dinamik dan responsif dalam mendepani cabaran kontemporari.

5.1. Pemurnian pemikiran hukum Islam semasa

Keterbukaan al-Qaraḍāwī dalam menerima kepelbagaian pandangan mazhab dan ketelitian memilih pendapat yang paling kuat selari dengan *Maqāṣid al-Sharī'ah* serta *maṣlaḥah* semasa, menjadi antara sumbangan signifikan terhadap pemurnian pemikiran hukum Islam kontemporari (Warren, 2014). Pendekatan ini dapat diperhatikan dengan jelas menerusi pelbagai fatwa yang dihasilkan. Sebagai contohnya hukum keharusan bersalaman antara lelaki dan wanita ajnabi (Al-Qaraḍāwī, 2009c). Al-Qaraḍāwī memutuskan keharusan bersalaman sekiranya tiada syahwat dan jauh daripada fitnah (Al-Qaraḍāwī, 1993). Natijahnya, pendekatan sebegini bukan sahaja meraikan keperluan semasa dan kemaslahatan masyarakat, malah berperanan mengekang hawa nafsu yang mencetuskan gejala tidak bermoral serta memelihara kesucian agama dan maruah umat Islam (Hasibuan et al., 2023).

Keharmonian pemikiran hukum Islam turut terserlah melalui ketetapan hukum berkaitan bank susu ibu (Al-Qaraḍāwī, 1993). Berasaskan penelitian terperinci terhadap definisi penyusuan (al-raqā) dan implikasi hukumnya menurut pelbagai mazhab, serta ketiadaan larangan jelas dari nas syarak, al-Qaraḍāwī memfatwakan keharusannya (Al-Qaraḍāwī, 1993). Lebih menarik, keputusan progresif ini dicapai melalui aplikasi kaedah al-*istiḥsān*. Pendekatan sebegini mempamerkan kematangan pemikiran hukum yang merentasi sempadan mazhab demi merealisasikan *maṣlaḥah* ummah. Implikasinya, fatwa ini menyediakan ruang kepada umat Islam memanfaatkan kemudahan perubatan moden, tanpa dibelenggu kerangka fiqh klasik yang rigid (Hasibuan et al., 2023). Namun begitu, prinsip syarak berkaitan penyusuan yang mengharamkan perkahwinan tetap dipelihara, kerana hanya terpakai bagi penyusuan langsung (Siswanto, 2011). Kemampuan mengimbangi antara pemeliharaan prinsip syariah dan keperluan menjawab realiti moden membuktikan kejayaan al-Qaraḍāwī dalam memastikan hukum Islam dimurnikan dan menjadi hukum yang praktikal.

Ijtihad Al-Qaraḍāwī turut memberi nafas baharu kepada pemikiran hukum kekeluargaan Islam (Shaham, 2018). Hal ini dapat dilihat menerusi sokongan terhadap pandangan jumur ulama salaf dan fuqaha muktabar yang melarang perkahwinan secara paksaan, sebaliknya menegaskan wajibnya persetujuan anak dara sebelum dinikahkan oleh walinya (Al-Qaraḍāwī, 2008a). Pendirian ini berpaksikan kefahaman menyeluruh terhadap nas-nas syarak, terutamanya hadis-hadis sahih yang mengiktiraf hak wanita memilih pasangan hidup (Al-Qaraḍāwī, 1993). Ia juga berkesinambungan dengan prinsip *maqāṣid* dalam pembentukan keluarga yang bahagia dan harmoni

melalui asas reda dan kasih sayang. Oleh yang demikian, kecenderungan al-Qaraḍāwī mengadaptasi pandangan fuqaha silam dengan realiti moden memberikan sumbangan bermakna ke arah pemurnian fiqh keluarga agar terus relevan dan peka terhadap tuntutan semasa (Shaham, 2018). Kesannya, hak dan maruah kaum wanita dapat terus dipelihara selaras dengan prinsip keadilan yang menjadi tonggak syariat Islam.

Manakala dalam bidang fiqh jenayah yang sering dilihat sebagai statik, pendekatan ijtihad *wasatiyyah* yang diaplikasi oleh al-Qaraḍāwī dalam persoalan menggugurkan kandungan mangsa rogol (Al-Qaraḍāwī, 1993) menyerlahkan ketinggian pemikiran hukum Islam semasa beliau. Menerusi penelitian mendalam terhadap pelbagai pandangan fuqaha tentang tempoh peniupan roh ke dalam janin, serta analisis teliti terhadap konsep darurat menurut kerangka *Maqāṣid al-Sharī'ah*, rukhsah diberikan untuk melakukan pengguguran sebelum tempoh 40, 42 atau 120 hari bagi kes pemerkosaan yang melibatkan tekanan psikologi melampau kepada mangsa (Al-Qaraḍāwī, 1993). Kebenaran yang diputuskan secara berhati-hati ini merupakan fatwa yang amat signifikan, kerana mengambil kira aspek penjagaan nyawa, maruah dan psikologi mangsa rogol yang merupakan antara perkara *daruriyyat* dalam *Maqāṣid al-Sharī'ah*. Walaupun kemuliaan nyawa janin tetap diiktiraf, namun keperluan menjaga kemaslahatan wanita yang menjadi mangsa jenayah seksual turut diberikan perhatian sewajarnya. Keupayaan menyelaraskan kedua-dua prinsip ini merupakan manifestasi ketelitian dan keseimbangan metode ijtihad al-Qaraḍāwī. Kesannya, fatwa ini menyediakan kerangka pemikiran fiqh yang menyeluruh dan praktikal khususnya kepada mangsa rogol yang berdepan dengan trauma fizikal dan psikologi yang berpanjangan, di samping melindungi mereka daripada stigma sosial yang boleh menjejaskan kehidupan.

Dalam isu hudud, al-Qaraḍāwī melihat hukuman bukan satu bentuk kezaliman, tetapi satu pendekatan yang berlandaskan keadilan, keseimbangan, dan kesederhanaan (Al-Qaraḍāwī, 1988). Pendekatan ini bertujuan untuk memastikan bahawa hukum Islam dapat dilaksanakan dengan cara yang sesuai dengan konteks semasa, dengan mengambil kira prinsip-prinsip seperti *al-masyaqqah tajlib al-taysīr* (kesukaran mendatangkan kemudahan), *raf' al-haraj* (menghilangkan kesukaran), dan *Maqāṣid al-Sharī'ah* yang menekankan kemaslahatan umat dan keadilan sosial (Al-Qaraḍāwī, 1993). Sebagai contohnya dalam kes hukuman rejam, al-Qaraḍāwī melihatnya sebagai hukuman takzir yang boleh diubah suai mengikut keadaan dan hanya boleh dilaksanakan jika semua syarat dan bukti yang diperlukan dipenuhi (Al-Qaraḍāwī, 2008b). Dalam kes murtad pula, al-Qaraḍāwī membezakan antara murtad yang bersifat individu dan murtad yang bersifat kolektif, di mana hukuman murtad hanya boleh dilaksanakan jika ia melibatkan ancaman terhadap keselamatan masyarakat dan negara (Al-Qaraḍāwī, 2005). Bagi hukuman peminum arak, al-Qaraḍāwī melihatnya sebagai hukuman takzir yang boleh diubah suai mengikut keadaan dan bertujuan untuk menjaga ketenteraman awam. Manakala bagi hukuman meninggalkan solat, al-Qaraḍāwī berpendapat bahawa orang yang meninggalkan solat tanpa mengingkari kewajibannya dianggap fasik dan bukannya kafir, dan hukuman yang sesuai adalah hukuman takzir seperti penjara atau denda. Walau bagaimanapun, al-Qaraḍāwī turut menegaskan batasan fiqh hudud, iaitu ia tidak boleh digunakan sebagai alasan untuk menghalalkan yang haram atau mengabaikan kewajipan asas dalam Islam, dan setiap fatwa yang dikeluarkan mestilah berlandaskan dalil-dalil yang sahih dan konsisten dengan prinsip-prinsip asas syariah (Al-Qaraḍāwī, 2008b).

Pengkaji melihat bahawa pemikiran hukum Islam yang diketengahkan oleh al-Qaraḍāwī mempunyai satu matlamat yang konsisten, iaitu mengharmonikan tuntutan tekstual syariah dengan konteks semasa melalui pendekatan ijtihad yang teliti, rasional dan progresif. Keberanian dan kegigihan menyuarakan gagasan sebegini dalam karya-karya fiqh, fatwa, wawancara, khutbah dan ceramah menjadi momentum penting dalam menyegarkan semula pemikiran hukum Islam semasa. Implikasi ini lahir dari sintesis mantap antara tradisi dan kontemporari, nas dan realiti, serta prinsip syariah dan *maṣlahah* sejagat. Pemikiran ini wajar dijadikan model transformasi hukum Islam, bagi memastikan keunggulan dan relevansinya sebagai panduan hidup di era kontemporari.

5.2. Menjenamakan pelbagai Istilah kefahaman (Fiqh)

Al-Qaraḍāwī telah mengetengahkan pelbagai pendekatan kefahaman (fiqh) yang bertujuan untuk menjawab persoalan dan cabaran semasa yang dihadapi oleh umat Islam (Al-Qaraḍāwī, 2008b). Istilah-istilah ini diketengahkan bagi menggambarkan kefahaman menyeluruh al-Qaraḍāwī terhadap permunian pemikiran hukum Islam semasa (Man, 2022), Antara istilah fiqh yang al-Qaraḍāwī ketengahkan adalah :

5.2.1. *Fiqh al-Aqalliyāt*

Gagasan *fiqh al-aqalliyāt* yang diketengahkan oleh al-Qaraḍāwī merupakan manifestasi manhaj ijtihadnya dalam mendepani realiti semasa permasalahan masyarakat minoriti Muslim di negara-negara Barat (Al-Qaraḍāwī, 2001b). Menerusi fatwa-fatwa yang diputuskan seperti keharusan solat Jumaat di luar waktunya (Al-Qaraḍāwī, 1993), kebolehan seorang Muslim mewarisi harta keluarga bukan Islam (Al-Qaraḍāwī, 1997a) serta kebenaran memberi ucapan selamat kepada penganut agama lain pada perayaan keagamaan mereka (Al-Qaraḍāwī, 2008b), jelas memperlihatkan ketelitian dalam menilai konteks dan keperluan kontemporari. Pada masa yang sama, aplikasi pendekatan ijtihad *al-intiqā'ī* yang memilih pandangan fuqaha silam paling relevan dan menepati kemaslahatan masa kini turut menzahirkan keutuhan metodologi hukum yang diaplikasi. Kesannya, nilai-nilai *Maqāṣid al-Sharī'ah* seperti pemeliharaan agama, nyawa, akal, maruah dan harta dapat direalisasikan secara seimbang menurut kaca mata Islam dan realiti semasa (Mun'im, 2021). Maka, pendekatan sebegini hakikatnya bukan sahaja berjaya menjadikan *fiqh al-aqalliyāt* sebagai mekanisme penyelesaian hukum yang praktikal, bahkan turut menyerlahkan dinamika syariat Islam sebagai manhaj rabbani yang anjal mengikut peredaran zaman (Nadiya, 2022).

5.2.2. *Fiqh al-Taysīr*

Fiqh al-taysīr, sebagai satu pendekatan dalam hukum Islam yang menekankan prinsip keringanan dan kemudahan dalam melaksanakan syariat, berlandaskan kepada prinsip-prinsip utama seperti *al-masyaqqah tajlib al-taysīr* (kesukaran mendatangkan kemudahan) dan *raf' al-haraj* (menghilangkan kesukaran) (Al-Qaraḍāwī, 2009b). Ia membolehkan fleksibiliti dalam pelaksanaan hukum, terutamanya dalam situasi kesukaran atau keperluan mendesak. Namun, al-Qaraḍāwī menegaskan bahawa *fiqh al-taysīr* bukan satu bentuk kelonggaran yang melampau sehingga menghalalkan perkara yang haram atau mengabaikan prinsip-prinsip asas syariah, sebaliknya ia adalah usaha untuk memahami dan mengaplikasikan hukum Islam dengan cara yang sesuai dengan konteks semasa, dengan mengambil kira *Maqāṣid al-Sharī'ah* (tujuan-tujuan syariah) seperti kemaslahatan umat dan keadilan sosial (Al-Qaraḍāwī, 2008b). Al-Qaraḍāwī mengaplikasikan *fiqh al-taysīr* dalam berberapa fatwanya seperti membenarkan sapuan

ke atas stoking ketika berwuduk jika memakainya dalam keadaan suci dan keharusan menunaikan solat jamak ketika musim sejuk dan panas di negara-negara eropah (Al-Qaraḍāwī, 1993). Walau bagaimana pun, al-Qaraḍāwī menekankan batasan *fiqh al-taysir*, iaitu ia tidak boleh digunakan sebagai alasan untuk menghalalkan yang haram atau mengabaikan kewajipan asas dalam Islam, dan setiap fatwa yang dikeluarkan mestilah berlandaskan dalil-dalil yang sahih dan konsisten dengan prinsip-prinsip asas syariah (Al-Qaraḍāwī, 1988).

5.2.3. *Fiqh al-Wāqi'*

Al-Qaraḍāwī juga kerap menerapkan konsep *fiqh al-wāqi'* (realiti) dalam fatwa-fatwanya untuk menyesuaikan hukum Islam dengan konteks sosial, politik, dan budaya semasa, terutamanya apabila nas (al-quran dan hadis) tidak memberikan panduan yang jelas (Al-Qaraḍāwī, 1993). Antara contoh aplikasi *fiqh al-wāqi'* dalam fatwa al-Qaraḍāwī ialah isu penyertaan politik Muslim minoriti di barat, yang mana al-Qaraḍāwī menggunakan kaedah *al-ḥāja tanzilu manzilat al-ḍarūrah* (keperluan menjadi suatu keharusan) untuk mengesahkan penglibatan mereka dalam sistem pemerintahan sekular demi melindungi hak dan kepentingan komuniti Muslim (Al-Qaraḍāwī, 2001b). Begitu juga dalam isu serangan berani mati di Palestin, al-Qaraḍāwī mengaplikasikan kaedah *al-darūrāt tubīḥ al-mahzūrāt* (keperluan menghalalkan yang haram) untuk mengesahkan tindakan tersebut sebagai satu tindakan sah terhadap pendudukan Israel, dengan hujah bahawa dalam konteks tersebut, seluruh masyarakat Israel dianggap sebagai masyarakat ketenteraan yang boleh menjadi ancaman pada masa hadapan (Al-Qaraḍāwī, 1996b).

5.2.4. *Fiqh al-Wasatiyah*

Fiqh al-wasatiyyah yang diketengahkan oleh al-Qaraḍāwī menekankan keseimbangan, kesederhanaan, dan keadilan dalam memahami serta mengamalkan hukum Islam (Al-Qaraḍāwī, 2009b). Konsep ini berakar umbi daripada ayat al-Quran (2:143) yang menyebut umat Islam sebagai umat pertengahan (*ummatan wasatan*), mencerminkan cara hidup Islam yang seimbang antara rohani dan jasmani, dunia dan akhirat, serta individu dan masyarakat (Al-Qaraḍāwī, 2009b). Antara ciri-ciri utama *fiqh al-wasatiyyah* ialah keseimbangan antara teks dan realiti, penolakan terhadap ekstremisme, dan kesederhanaan dalam fatwa (Al-Qaraḍāwī, 2009b). Al-Qaraḍāwī menekankan pentingnya memahami nas dalam konteks realiti semasa (Al-Qaraḍāwī, 1988), menolak pendekatan literal yang hanya berpegang pada teks tanpa mempertimbangkan konteks dan *Maqāṣid al-Sharī'ah* (tujuan syariah), serta menolak ekstrem liberal yang mengabaikan teks agama dan ekstrem konservatif yang terlalu rigid dalam memahami teks. *Fiqh al-wasatiyyah* juga sangat berkait rapat dengan *Maqāṣid al-Sharī'ah* (Al-Qaraḍāwī, 2008b). Pendekatan *wasatiyyah* dicerminkan dalam fatwa al-Qaraḍāwī tentang isu kontemporari seperti keharusan wanita bekerja (Al-Qaraḍāwī, 2001a). Walaupun pendekatan *wasatiyyah* al-Qaraḍāwī ini dikritik oleh sebahagian pengkaji kerana dianggap terlalu liberal dan mengabaikan teks-teks agama (Musa, 2007; Al-Wadi'i, 2005), serta oleh golongan liberal kerana dianggap masih terlalu berpegang pada tradisi dan tidak cukup progresif (Helfont, 2010), ia tetap menawarkan pendekatan yang seimbang dan sederhana dalam memahami serta mengamalkan hukum Islam, yang diharapkan dapat membantu umat Islam menghadapi cabaran moden tanpa mengorbankan prinsip asas agama (Warren & Gilmore, 2014).

5.2.5. *Fiqh al-Dawlah*

Al-Qaraḍāwī mengetengahkan fiqh al-dawlah (kenegaraan) dengan menekankan konsep *muwāṭana* (kewarganegaraan) yang memberikan hak yang sama kepada Muslim dan bukan Muslim dalam sebuah negara Islam, berasaskan prinsip *ukhūwah wataniyyah* (persaudaraan kewarganegaraan) dan kejiranan (Al-Qaraḍāwī, 1997b). Al-Qaraḍāwī menolak sistem *dhimma* tradisional yang memberikan status minoriti kepada bukan Muslim (Al-Qaraḍāwī, 1993), dan sebaliknya merujuk kepada sejarah empayar Islam sebagai model hubungan yang sama rata antara Muslim dan bukan Muslim (Al-Qaraḍāwī, 1992). Al-Qaraḍāwī berhujah bahawa konsep kewarganegaraan moden boleh disesuaikan dengan prinsip Islam tanpa mengorbankan autoriti tradisi hukum Islam (Al-Qaraḍāwī, 1997b). Contoh fatwa berkaitan fiqh kenegaraan di sisi al-Qaraḍāwī termasuk pandangannya bahawa bukan Muslim boleh memegang jawatan dalam kerajaan kecuali yang melibatkan autoriti agama, seperti ketua negara atau ketua tentera, kerana jawatan tersebut memerlukan komitmen kepada prinsip Islam (Al-Qaraḍāwī, 1993). Al-Qaraḍāwī juga menegaskan bahawa bukan Muslim berhak mendapat perlindungan dan kebebasan beragama, selaras dengan prinsip *lā ikrāha fī al-dīn* (tiada paksaan dalam agama) (Al-Qaraḍāwī, 1992). Namun, al-Qaraḍāwī mengekalkan beberapa batasan, seperti menolak hak bukan Muslim untuk memegang jawatan yang melibatkan penguatkuasaan hukum syariah, mencerminkan usaha al-Qaraḍāwī untuk mengimbangkan antara tradisi Islam dan tuntutan moden bagi kesamaan hak (Al-Qaraḍāwī, 1992).

5.2.6. *Fiqh al-Awlawiyyāt*

Fiqh al-awlawiyyāt (keutamaan) merupakan salah satu tunjang pembaharuan yang ditekankan oleh al-Qaraḍāwī dalam wacana ijtihad kontemporari (Al-Qaraḍāwī, 1996a). Penekanan terhadap fiqh keutamaan ini terserlah dalam pelbagai penulisan, fatwa, wawancara, khutbah dan ceramah ilmiah yang dikemukakannya. Asas kepada fiqh keutamaan ialah penyelidikan induktif yang menyeluruh terhadap syariat Islam. Penelitian induktif yang komprehensif membuktikan bahawa syariat secara konsisten mendahulukan perkara yang lebih utama (al-aham) berbanding perkara yang kurang keutamaannya (al-muhim) sekiranya berlaku percanggahan di antara kedua-duanya (Al-Qaraḍāwī, 1994). Atas dasar inilah terbitnya kaedah-kaedah fiqh umum seperti “apabila berlaku pertembungan antara dua kemudahan, maka diutamakan kemudahan yang lebih ringan” dan “kemudahan yang lebih berat dihilangkan dengan kemudahan yang lebih ringan” serta kaedah-kaedah fiqh lain yang berorientasikan prinsip keutamaan (Al-Qaraḍāwī, 1994).

i) Menyediakan solusi terhadap isu-isu kontemporari umat Islam

Pendekatan Ijtihad kontemporari al-Qaraḍāwī merentasi pelbagai bidang termasuk ibadah, muamalat, munakahat, jinayat, dan siyasah. Dengan berpegang terhadap autoriti nas (al-quran dan hadis) dan analisis kontekstual berasaskan realiti, keseluruhan isu-isu berbangkit disediakan solusinya mengikut keutamaan, situasi, kemudahan dan kesederhanaan. Dalam bidang ibadah sebagai contohnya fatwa terhadap sistem zakat melalui legitimasi pembayaran berbentuk wang (Al-Qaradawi, 1973), kewajipan zakat pendapatan, dan perkongsian liabiliti zakat pertanian antara pemilik dan penyewa (Al-Qaradawi, 1993) mencerminkan kontekstualisasi hukum yang responsif terhadap perubahan struktur ekonomi moden tanpa mengabaikan prinsip asasi (*hifz al-māl*). Seterusnya, dalam muamalat, prinsip etika al-Qaraḍāwī antara pengklonan haiwan

(dibenarkan secara terhad berasaskan *maṣlaḥah mu'tabarah* dan pengklonan manusia (diharam demi memelihara *fiṭrah khalqīyyah* dan *ḥifẓ al-nasl*) (Al-Qaradawi, 1993) menunjukkan integrasi kritikal antara kemajuan sains dan batasan teologikal.

Dalam bidang munakahat, sebagai contohnya keharusan menentukan jantina anak atas premis keseimbangan keluarga menggambarkan fleksibiliti interpretatif yang terikat pada prinsip *maṣlaḥah ʿammah* dan *ḥifẓ al-usrah*. Pada dimensi jinayat, sebagai contohnya penolakan al-Qaradāwī terhadap diskriminasi jantina dalam kadar diat berpaksikan ketiadaan nas *qaṭʿī* dan komitmen terhadap kesaksamaan martabat insan (*karāmah insāniyyah*) menegaskan reorientasi hukum jenayah Islam ke arah keadilan substantif (*adālah juzʿiyyah*). Manakala dalam *siyāsah sharʿiyyah*, transformasi konsep syura kepada sistem demokrasi moden, penyokongan penglibatan wanita dalam politik (Al-Qaradawi, 1997b), serta pendefinisian semula jihad sebagai pertahanan hak asasi dan penolakan keganasan (Al-Qaradāwī, 2009a) membuktikan keserasian prinsip Islam dengan paradigma tata kelola kontemporari.

Kesemua diskusi ini disatukan oleh aplikasi konsisten konsep *al-maqāṣid*, *al-wāqīʿ*, *al-awlawiyyāt*, *al-taysīr* dan *al-aqliyyāt* sehingga membentuk kerangka hukum yang hidup dan relevan dengan kompleksiti masyarakat moden, sekali gus mengekalkan identiti Islam sebagai solusi. Sebagai lensa utama interpretasi semula hukum, al-Qaradāwī tidak sekadar melontarkan dikotomi teks-konteks, tetapi membentuk epistemologi fiqh dinamik yang responsif terhadap kompleksiti pascamoden. Justeru, pendekatannya bukanlah warisan daripada tradisi, melainkan kesinambungan ijtihad autentik yang menegaskan Islam sebagai sistem nilai hidup yang mampu menjawab cabaran zaman melalui keseimbangan antara berpegang kepada nas dan kebijaksanaan dalam mengurus kepelbagaian perubahan.

5. Kesimpulan

Dapatan kajian menjelaskan bahawa paradigma ijtihad kontemporari al-Qaradāwī menzahirkan model ijtihad yang dinamik, relevan dan aplikatif dalam menangani dilema hukum Islam moden. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa metodologi al-Qaradāwī, berpaksikan kerangka objektif syariat dan responsif kepada konteks, berjaya mengintegrasikan autoriti teks dengan tuntutan kontemporari, sehingga melahirkan fatwa yang bukan sahaja praktikal tetapi juga progresif tanpa mengkompromikan asas *syarʿī*. Keupayaan al-Qaradāwī dalam merasionalisasikan hukum membuktikan bahawa fiqh Islam mampu menjadi nadi penggerak dalam menyelesaikan ketegangan antara tradisi dan moden melalui pendekatan *tawāzzun* (seimbang) yang memelihara kebergantungan pada dalil sekali gus mengadaptasi realiti.

Bagi kajian mendatang, tiga dimensi penyelidikan kritikal perlu diberikan perhatian:

- i. Eksplorasi aplikasi metodologi al-Qaradāwī dalam bidang spesifik seperti fiqh teknologi digital (kecerdasan buatan dan *blockchain*), fiqh perubatan (pengklonan terapeutik dan bioetika Islam), dan fiqh alam sekitar (kelestarian ekosistem berasaskan maqāṣid), khususnya dalam konteks Malaysia yang unik. Penelitian ini berpotensi menghasilkan pemetaan menyeluruh bagi isu trans disiplin yang belum terungkai.
- ii. Analisis komparatif-kritis antara kerangka ijtihad al-Qaradāwī dengan tokoh reformis kontemporari seperti Ṭāriq Ramaḍān, Muḥammad Shahrūr, dan Ṭāhā Jābir al-ʿAlwānī, bagi mengidentifikasikan varian epistemologi dan kesannya terhadap wacana hukum global.

- iii. Kajian empirikal-kualitatif untuk menilai kesan fatwa al-Qaradāwī terhadap masyarakat Islam di Malaysia, terutamanya dalam aspek perubahan norma gender, dinamika ekonomi zakat moden, dan respons politik terhadap isu Palestin-Israel. Penilaian ini perlu merangkumi analisis kesan multidimensi bagi mengukur sejauh mana fatwa al-Qaradāwī menyumbang kepada transformasi sosio-religius yang inklusif dan beretika.

Secara keseluruhan, pendekatan al-Qaradāwī tidak sekadar membuktikan fleksibiliti fiqh Islam, tetapi juga mencorakkan paradigma integratif yang boleh dijadikan rujukan bagi merangka hukum responsif di era pascamoden khususnya di Malaysia. Namun, keberkesanannya hanya akan tercapai melalui sinergi antara penelitian teoritis, aplikasi praktis, dan pengukuran empirikal yang berterusan.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan UiTM. Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian. Nombor rujukan kelulusan etika yang diberikan ialah REC/01/2025 (PG/MR/73)

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada sokongan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah dan Seremban kerana menyediakan kemudahan dan sokongan untuk penyelidikan ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis bersetuju bahawa penyelidikan ini dijalankan tanpa sebarang konflik kepentingan diri, komersial atau kewangan dan mengisytiharkan ketiadaan kepentingan yang bercanggah dengan pembiayaan.

Rujukan

- Ab Rahman, M. F., Abdullah Thaidi, H. Á., & Ab Rahman, A. (2020). Cabaran institusi fatwa di Malaysia dalam menghadapi revolusi industri 4.0. *Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains (SAIS)*, 421–447.
<https://oarep.usim.edu.my/entities/publication/0c4b010e-e4c0-4251-912f-a3b2f6040cc0>
- Al-Qaradāwī. (1996a). *Al-ijtihād fī al-syarī'ah al-Islāmiyyah ma' nadzarât tahlīliyyah fī al-ijtihād al-mu'âshir*. Dar al-Qalam.
- Al-Qaradāwī, Y. (1973). *Fiqh al-zakāh dirāsah muqāranah li-aḥkāmihā wa-falsafatihā fī*

- daw' al-Qur'an wa-al-Sunnah*. Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Qaradāwī, Y. (1988). *Al-fatwā bayna al-inḍibāt wa-al-tasayyub*. Dar al-Sohwah.
- Al-Qaradāwī, Y. (1992). *Ghayr al-muslimīn fī al-mujtama' al-Islāmī*. Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradāwī, Y. (1993). *Min hady al-Islām fatāwā mu'āshirah*. Maktaba al-Islamiy.
- Al-Qaradāwī, Y. (1994). *Fī fiqh al-awlawiyyāt: dirāsah jadīdah fī daw' al-Qur'an wa al-Sunnah*. Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Qaradāwī, Y. (1996b). Shar'iyyah al-'amaliyyāt al-istishhādiyyah fī Filastīn al-muhtallah. *Al-Mujtamak Majallah Al-Muslimin Hawla Al-Alam*, 1204, 34–35. <https://mugtama.com>
- Al-Qaradāwī, Y. (1997a). *Al-halāl wa-al-harām fī al-Islām*. Maktabah Wahbah Li At-Tabaah wa an-Nasyr.
- Al-Qaradāwī, Y. (1997b). *Min fiqh al-dawlah fī al-Islām*. Dar al-Shouruk.
- Al-Qaradāwī, Y. (2001a). *Fatāwā al-Mar'ah al-Muslimah*. Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Qaradāwī, Y. (2001b). *Fī fiqh al-aqalliyyāt al-muslimah*. Dar al-Shouruk.
- Al-Qaradāwī, Y. (2005). *Jarīmah al-riddah wa-'uqūbah al-murtadd fī daw' al-Qur'an wa al-Sunnah*. Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradāwī, Y. (2008a). *Al-usrah kamā yurīduhā al-Islām*. Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradāwī, Y. (2008b). *Dirāsah fī fiqh maqāshid al-sharī'ah*. Dar al-Shouruk.
- Al-Qaradāwī, Y. (2008c). *Ḥukm al-mashrūbāt allatī tahtawī 'alā nisbah min al-kuḥūl*. Alqardawi.Net. <https://www.al-qaradawi.net/node/2146>
- Al-Qaradāwī, Y. (2009a). *Fiqh al-Jihād*. Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradāwī, Y. (2009b). *Fiqh al-wasāṭiyyah al-islāmiyyah wa al-tajdīd*. Dar al-Shouruk.
- Al-Qaradāwī, Y. (2009c). *Qirā'ah fī wāqī' al-ummah fī al-fatrah al-akhīrah*. Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradāwī, Y. (2011). *Al-Qaradāwī yuftī bi-qatl al-Qadhdhāfī al-mal'un*. Qardawi.Net. <https://www.al-qaradawi.net/node/1399>
- Al-Qaradāwī, Y. (2013). *Al-sharī'ah wa-al-hayāh*. Al-Jazeera. <https://www.aljazeera.net>
- Al-Shawkānī, M. ibn 'Alī ibn M. ibn 'Abdillāh. (1994). *Irshād al-fuḥūl ilā taḥqīq al-haqq min 'ilm al-uṣūl*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Wadi'i, A. al-R. M. (2005). *Iskāt al-kalb al-'awī: Yūsuf ibn 'Abd Allāh al-Qaradāwī*. Dar al-Athār.
- Asni, A., L. Diab, A., Kartini, K., & Kamarudddin, K. (2022). The urgency of transdisciplinary approaches in contemporary islamic law studies. *KnE Social Sciences*, 2022, 615–622. <https://doi.org/10.18502/kss.v7i8.10779>
- Azman, A. R., & Afaf, S. (2020). Institusi zakat Dalam Mendepani Wabak Covid-19 di Malaysia: Isu dan Cadangan Garis Panduan. *Journal of Fatwa Management and Research*, 22(2), 113–131. <https://oarep.usim.edu.my/entities/publication/ffc2e442-1786-4471-9a6e-ed074c81b479>
- Baroudi, S. E. (2014). Sheikh Yusuf Qaradawi on international relations: the discourse of a leading islamist scholar (1926-). *Middle Eastern Studies*, 50(1), 2–26. <https://doi.org/10.1080/00263206.2013.849693>
- El-Wereny, M. (2018). Reichweite und instrumente islamrechtlicher normenfindung in der moderne: Yūsuf al-Qaradāwīs iḡtihād-konzept. *Die Welt Des Islams*, 58(1), 65–100. <https://doi.org/10.1163/15700607-00581p03>
- Graf, B. (2019). Yusuf al-Qaradawi. In J. L. Esposito & E. A.-D. Shahin (Eds.), *Key islamic political thinkers* (pp. 57–74). Open University Press. <https://doi.org/10.4324/9780367272067-4>
- Hasibuan, R. A., Khalida, A., Efendi, & Rais, Z. (2023). Metode ijtihad kontemporer versi Yusuf Qordhawi. *Kariman: Jurnal Pendidikan Keislaman*, 11(1), 119–144. <https://doi.org/10.52185/kariman.v11i1.258>

- Helfont, S. (2010). Islam and islamism today: the case of Yusuf al-Qaradawi. *Foreign Policy Research Institute, January*, 1–4. <https://www.fpri.org/article/2010/01/islam-and-islamism-today-the-case-of-yusuf-al-qaradawi/>
- Kausar, S., Leghari, A. R., & Soomro, A. S. (2024). Analysis of the islamic law and its compatibility with artificial intelligence as a emerging challenge of the modern world. *Annals of Human and Social Sciences*, 5(1). [https://doi.org/10.35484/ahss.2024\(5-i\)10](https://doi.org/10.35484/ahss.2024(5-i)10)
- Man, S. (2022). Fiqh semasa : konsep dan aplikasinya. *Jabatan Agama Islam Negeri Selangor*, 31. https://www.jais.gov.my/wp-content/uploads/2023/12/ARTIKEL-FIQH-SEMASA_new.pdf
- Mazuki, S. A., Mustafa, M. F., & Md Reshad, H. F. (2022). Aplikasi fiqh al-awlawiyyāt dalam pempfatwaan: sorotan isu perubatan terpilih. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 5(3), 122–136.
- Mohd Safian, Y. H. (2016). The contribution of Yusuf Qaradawi to the development of fiqh. *Electronic Journal of Islamic and Middle Eastern Law*, 4, 45–53. <https://www.zora.uzh.ch/handle/20.500.14742/119946>
- Mukhetdinov, D. V. (2018). Yusuf ql-qaradawi's contribution to contemporary islamic discourse. *Islam in the Modern World*, 14(3), 57–72. <https://doi.org/10.22311/2074-1529-2018-14-3-57-72>
- Mun'im, Z. (2021). Peran kaidah fikih dalam aktualisasi hukum islam: studi fatwa Yūsuf al-Qaradāwī tentang fiqh al-aqalliyāt. *Al-Manahij: Jurnal Kajian Hukum Islam*, 15(1), 151–172. <https://doi.org/10.24090/mnh.v15i1.4546>
- Musa, A. R. (2007). *Al-radd 'alā al-qaradāwī wa al-juday*. Al-Athāriyyah li al-Turāth.
- Nadiya. (2022). *Al-ijtihād al-maqāsidi 'inda Yūsuf al-Qaradawi fī fiqh al-aqalliyāt*. Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah.
- Saiin, A. (2021). Methodological and applicative ijtehad Yusuf Al-Qardhawi in solving contemporary issues. *Tasamuh: Jurnal Studi Islam*, 13(2), 249–274. <https://doi.org/10.47945/tasamuh.v13i2.416>
- Shaham, R. (2018). The role of maṣlaḥa in Qaradawi's legal theory. In *Rethinking Islamic Legal Modernism*. https://doi.org/10.1163/9789004369542_006
- Siswanto, M. (2011). Pola Penalaran Yusuf Al-Qaradhawi Dalam Masalah-Masalah Kontemporer. In *Universitas Islam Negeri Riau Pekanbaru*. Universitas Islam Negeri Riau Pekanbaru.
- Solahuddin, A. H., Kamarudin, A., & Mohd Akram, D. (2018). Kedinamikan penyampaian fatwa negeri-negeri di Malaysia: penilaian adaptasi berdasarkan “kirkpatrik model of evaluation.” *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*, 27, 73–92. <https://doi.org/10.51200/manu.v0i0.1312>
- Warren, D. H. (2014). *Debating the renewal of islamic jurisprudence (tajdid al-fiqh) school of arts*. University of Manchester.
- Warren, D. H., & Gilmore, C. (2014). One Nation Under God? Yusuf al-Qaradawi's Changing Fiqh of Citizenship in The Light of the Islamic Legal Tradition. *Contemporary Islam*, 8(3), 217–237. <https://doi.org/10.1007/s11562-013-0277-4>